



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Putrajaya – Orang ramai adalah dijemput menyertai pembentukan *Biggest Slipper Orchid Collage* di Taman Botani pada 14 November 2009 yang juga merupakan penyertaan Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam *Malaysia Book of Records* (MBR).

Penyertaan mereka dalam pembentukan kolaj ini adalah dengan meletakkan batu (*fist-sized pebble*) yang akan disediakan oleh penganjur di tapak. Pembentukan kolaj yang berdasarkan motif spesies *Slipper Orchid* atau *Paphiopedilum Barbatum* ini dijangka akan mengambil masa selama 5 jam bermula pukul 8.00 pagi pada hari Sabtu tersebut.

Program Botanical Discovery – “All About Orchids & Orchids For All” merupakan usaha awal dalam merealisasikan bandar raya Putrajaya sebagai destinasi penting serta pusat rujukan pelbagai aktiviti dan penghayatan bersumberkan flora orkid. Program ini berkonsepkan gabungan pelbagai aktiviti berbentuk perkongsian ilmu dan penghayatan terhadap flora orkid yang merupakan famili tumbuhan berbunga terbesar di dunia.

Antara aktiviti yang akan diketengahkan selama 3 hari ini adalah bengkel, bicara orkid, pameran dan produk kraftangan berasaskan orkid, jualan orkid, demonstrasi, pertandingan, pertunjukan, program pendidikan botanikal dan klinik tanaman orkid.

Pengunjung dari pelbagai peringkat umur juga dijangka akan terhibur dengan aktiviti permainan fizikal dan minda seperti Jigsaw Puzzle “*Ms Orchid*”, *Morphological Hunt*, Kuiz Orkid, Cari-cari Orkid, *Orchid Pebbles*, *Orchid Photo Frame* dan *Orchid Bookmark*.

Program Botanical Discovery – “All About Orchids & Orchids For All” dan *Native Orchids Showcase* akan dirasmikan oleh Y.Bhg Datin Nafesah Raja Nong Chik, isteri kepada Menteri Wilayah Persekutuan pada 13 November 2009.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Puan Noorfarhana Mohd Rosli di talian 03-8887 7620 atau 012-586 4770.



(ROZIMAH WAHID)

Ketua Penolong Pengarah Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 9 Nov 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA

- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013